

## Ideologi<sup>1</sup> Zalim

Allah swt mempunyai berbagai nama dan sifat-sifatNya yang Agung, bagi orang yang beriman menyebut dan mengucapkanNya berulang-ulang kali, akan menjadi suatu zikir dan ibadat disisi Allah swt, galakkan ini dapat dilihat di dalam firman Allah swt di surah Al A'raf ayat 180 yang berbunyi:

و لله الأسماء الحسنی فادعوه بها

Yang bermaksud: *“Bagi Allah adalah nama-nama yang baik, maka serulah dengan menggunakan nama-nama itu”*

Begitu juga sebagaimana yang telah disabdakan oleh Nabi saw hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a bahwasanya Rasulullah saw bersabda:

إن لله تسعة و تسعين اسما، من حفظها دخل الجنة، و إن الله وتر يحب الوتر

Yang bermaksud: *“Allah itu mempunyai sembilan puluh sembilan nama , barangsiapa menghafalnya<sup>2</sup> , ia masuk syurga. Sesungguhnya Allah itu Maha Ganjil (tidak genap) dan cinta sekali pada hal yang ganjil (tidak genap)”* Riwayat Ibnu Majah

Daripada berbagai nama-nama dan sifat-sifat Allah swt yang Mulia lagi Agung ini, ada satu nama yang Allah swt tidak mahu dikaitkan sama sekali nama tersebut terhadap zatNya yang Mulia, malahan Allah swt mengharamkan sifat ini menjadi salah satu dari sifat-sifat Allah swt, begitu juga Allah swt tidak mahu sifat ini terpalit denganNya walaupun sebesar zarah, sifat ini juga telah Allah swt haramkan terhadap sekalian manusia dan melarang mereka dari memilikinya, sifat yang dimaksudkan di sini adalah sifat zalim.

Kekata Zalim merupakan kalimah bahasa arab yang boleh diertikan juga sebagai sifat kejam, bengis, tidak berperikemanusiaan, suka melihat orang dalam kesakitan dan

<sup>1</sup> Kamus Lengkap, Penyunting Drs Awang Sudjai Hairul dan Yusoff Khan: Ideologi, cara berfikir dan buah fikiran yang terdapat pada seseorang, kumpulan dll terutamanya untuk menjadi dasar system ekonomi atau system politik.

<sup>2</sup> Menghafal nama-nama yang baik-baik itu maksudnya ialah mengingatNya, menghadirkan makna dan ertinya dalam qalbu (hati) serta merasakan bekasnya dalam jiwa : Akidah Islam : Sayid Sabiq

kesengsaraan<sup>3</sup>, melakukan kemungkaran, penganiayaan, kemusnahan harta benda, ketidakadilan dan banyak lagi pengertian yang dapat kita ambil dari sifat zalim ini, yang mana pada dasarnya sifat ini merupakan sifat yang keji lagi hina dan bertentangan dengan akhlak dan fitrah manusia yang mulia<sup>4</sup>, yang sepatutnya menggunakan akal yang dianugerahkan kepadanya untuk melakukan kebaikan dan memakmurkan bumi ini.

Fahaman atau Ideologi zalim adalah suatu bentuk pemikiran, baik secara tersusun (terorganisir) atau tidak, yang mencernakan perbuatan atau tindakan yang bersifat zalim, dan ia boleh wujud dalam diri setiap manusia tidak kira apajua latar belakang bangsa, budaya dan agama mereka, dan ia juga boleh wujud dalam setiap individu, kumpulan atau dalam sesebuah pemerintahan negara, ini dapat dilihat dari lembaran sejarah<sup>5</sup> manusia yang penuh dengan sifat-sifat kekejaman. Perkara ini telah dinyatakan oleh para Malaikat kepada Allah swt di dalam firmanNya di surah Al Baqarah ayat 30 yang bermaksud:

"قالوا أتجعل فيها من يفسد فيها و يسفك الدماء و نحن نسبح بحمدك و نقدر

لك"

*"Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (Khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?"*

Jika diamati pengertian sifat-sifat zalim ini, semuanya bercanggah dengan ajaran agama suci Islam, kerana Islam tidak pernah mengajar umatnya supaya melakukan apajua bentuk kezaliman, dan melarang keras fahaman atau perbuatan-perbuatan tersebut, pengharaman ini bukan hanya dikhususkan keatas diri setiap individu<sup>6</sup>, tetapi juga keatas sesama manusia, haiwan dan makhluk-makhluk Allah swt yang lain. Larangan ini jelas termaktub di dalam firman-firman Allah swt di bawah ini:

<sup>3</sup> Kamus Lengkap : pengertian zalim muka surat 1238

<sup>4</sup> Surah Israa' ayat 70 : Dan sesungguhnya Kami muliakan anak-anak Adam,

<sup>5</sup> <http://historynewsnetwork.org/articles/article.html?id=289>;Is Terrorism New?

[http://en.wikipedia.org/wiki/History\\_of\\_terrorism](http://en.wikipedia.org/wiki/History_of_terrorism)

<http://www.esuhistoryprof.com/history.htm>

<sup>6</sup> Surah Al Baqarah ayat 195 : Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan

Di surah Ali Imran ayat 182:

"و أن الله ليس بظلام للعبيد"

Yang bermaksud: *"Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambaNya."*

Di surah An Nisaa ayat 40:

"إن الله لا يظلم مثقال ذرة , و إن تك حسنة يضاعفها و يؤت من لدنه أجرا عظيما"

Yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah tidak menganiaya seseorang walaupun sebesar zarrah, dan jika ada kebajikan sebesar zarrah, niscaya Allah akan melipat gandakannya dan memberikan dari sisi Nya pahala yang besar"*

Di surah Yunus Ayat 44 firman Allah swt:

إن الله لا يظلم الناس شيئا و لكن الناس أنفسهم يظلمون

Yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah tidak berbuat zalim kepada manusia sedikitpun, akan tetapi manusia itulah yang berbuat zalim kepada diri mereka sendiri"*

Larangan perbuatan zalim ini juga telah Allah swt nyatakan kepada junjungan Nya Nabi Muhammad swt di dalam sebuah Hadis Qudsi yang berbunyi:

وعن أبي ذر الغفاري -رضي الله عنه- قال عن رسول الله -صلى الله عليه وسلم- فيما يرويه عن ربه -عز وجل-: يا عبادي، إني حرمت الظلم على نفسي وجعلته بينكم محرما فلا تظالموا، يا عبادي، كلكم ضال إلا من هديته فاستهدوني أهدكم، يا عبادي، كلكم جائع إلا من أطعمته فاستطعموني أطعمكم، يا عبادي، كلكم عار إلا من كسوته

فاستكسوني أكسكم، يا عبادي، إنكم تخطئون بالليل والنهار وأنا أغفر الذنوب جميعا

فاستغفروني أغفر لكم، يا عبادي، إنكم لن تبلغوا ضري فتضروني، ولن تبلغوا نفعي

فتنفعوني<sup>7</sup>.

Yang bermaksud: “*Dari Abu Dzar Al-Ghafiri r.a, dari Nabi SAW yang meriwayatkan dari Tuhannya Allah Azzawajalla, bahawasanya Tuhannya telah berkata: "Wahai hamba-hambaKu! Sesungguhnya aku telah **mengharamkan sifat zalim (penganiayaan) atas diriKu, dan Aku jadikan haram di antara sesama kamu, maka janganlah kamu zalim menzalimi aniaya-menganiyai,***

*Wahai hamba-hambaKu! Kamu sekalian sesat, kecuali siapa yang telah Aku berikan hidayat kepadanya. Maka hendaklah kamu minta hidayat daripadaKu, nescaya Aku akan memberi hidayat itu kepadamu*

*Wahai hamba-hambaku! Sekelian kamu lapar kecuali siapa yang telah Aku berikan makanan kepadanya, maka hendaklah kamu sekelain meminta makan daripadaKu, nescaya Aku akan beri kamu makan.*

*Wahai hamba-hambaku! Sekelian kamu bertelanjangan, kecuali sesiapa yang aku berikan pakaian, maka mintalah pakaian daripadaKu.*

*Wahai hamba-hambaku! Sekelian kamu membuat kesalahan pada waktu malam dan siang dan Akulah yang sahaja yang mengampunkan segala dosa, Maka mintalah keampunan daripadaKu, nescaya Aku akan mengampunkan segala dosa-dosa kamu.*

*Wahai hamba-hambaku! Kamu sekelian tidak mampu merancang sesuatu mudharat untuk memudharatkan Aku, dan kamu tidak mampu merancang sesuatu menafaat untuk memenafaatkan Aku.*

*Wahai hamba-hambaku! Jika sekiranya orang-orang yang terdahulu dan orang-orang yang terkemudian di antara kamu bersatu, samada dari jenis manusia atau jin, semuanya bertaqwa seperti taqwanya hati seorang manusia di antara kamu, nescaya yang demikian itu tidak akan menambahkan barang sedikit pun pada kerajaanKu.*

*Wahai hamba-hambaku! Jika sekiranya orang-orang yang terdahulu dan orang-orang yang terkemudian di antara kamu bersatu, samada dari jenis manusia atau jin,*

---

<sup>7</sup> Hadis Empat Puloh, Imam Nawawi : Hadis ke Dua puluh Empat

*semuanya berhati jahat seperti jahatnya hati seorang manusia di antara kamu, nescaya yang demikian itu tidak akan mengurangkan barang yang sedikit pun pada kerajaanKu.*

*Wahai hamba-hambaku! Jika sekiranya orang-orang yang terdahulu dan orang-orang yang terkemudian di antara kamu bersatu, samada dari jenis manusia atau jin, semuanya berkumpul pada sebuah tanah lapang lalu masing-masing meminta padaKu, nescaya Aku akan memperkenankan kepada tiap-tiap seorang itu akan permintaannya, nescaya yang demikian tidak akan mengurangkan sedikit pun dari apa yang Aku miliki, melainkan seperti berkurangnya sebatang jarum yang jatuh ke dalam laut.*

*Wahai hamba-hambaku! Sebenarnya semua itu adalah amalan-amalan kamu yang Aku catitkan bagi kamu sekalian, kelak di kemudian hari akan Aku balas atas tiap-tiap satu daripadanya. Oleh itu, barangsiapa menerima kebaikan hendaklah ia memuji Allah dan barangsiapa yang menerima sebaliknya janganlah ia mencela kecuali dirinya sendiri. "*

Firman Allah swt dan hadis qudsi di atas ini menegaskan bahwa Allah swt tidak pernah berlaku zalim keatas makhlukNya, dan Allah swt juga melarang setiap hamba-hambaNya daripada melakukan perbuatan yang zalim di antara sesama makhluk, sehingga Allah swt mengharamkan sifat ini menjadi salah satu dari sifat-sifatNya yang mulia. Allah swt tidak akan melakukan kezaliman terhadap manusia, tidak kira apajua latar belakang manusia tersebut, apakah mereka beriman atau tidak kepadaNya, apakah mereka kufur atau syirik kepadaNya, hatta manusia yang bersifat zalim sekalipun tidak akan Allah swt balas dengan kezaliman keatas mereka, kerana sifat ini bertentangan dengan zat Allah swt yang Maha Agong.

Jika Allah swt melarang manusia dari memiliki sifat zalim, sudah pasti Allah swt menginginkan agar manusia memiliki sifat yang berlawanan dengan sifat tersebut, sifat yang dimaksudkan ini adalah sifat ihsan, penyantun, penyayang, rahmat, mencintai, berkasih sayang, saling menghormati, berlaku adil, berbuat baik dan sebagainya, inilah sifat yang diajarkan oleh agama Islam dan inilah yang perlu disemai dan dipupuk oleh mereka yang beriman kepada Allah swt dan yang mengharapkan keredaanNya di akherat nanti.

## Pengertian dan Sifat Kezaliman

Ajaran Islam juga menekankan bahwa perbuatan zalim ini bukan hanya di kategorikan kepada perbuatan-perbuatan yang berbentuk zahiriah atau bersifat fisikal sahaja, sebagai contoh pembunuhan ke atas orang-orang awam yang tidak bersalah, melakukan kemusnahan dan kerosakan harta benda awam, melakukan tindakan kekerasan, kekejaman, paksaan, pengaiayaan ke atas seseorang, tetapi sifat zalim ini juga boleh berlaku jika seseorang mempunyai fahaman atau pemikiran ini didalam dirinya (hatinya), umpamanya fahaman-fahaman yang merosakkan, sifat hasad, dengki, khianat, sombong, takabbur, syirik dan sebagainya, ini semua termasuk dalam kategori zalim yang ditegah oleh agama Islam. Ini bersesuaian dengan sabda Nabi saw yang berbunyi:

ألا وإن في الجسد مضغة: إذا صلحت صلح الجسد كله، وإذا فسدت فسد  
الجسد كله، ألا وهي القلب

Yang Bermaksud: *"Ketahuilah, sesungguhnya di dalam diri ada segumpal daging, sekiranya daging itu baik, maka baiklah seluruh tubuh, dan sekiranya ia rosak maka rosaklah seluruh tubuh, ketahuilah segumpal daging itu adalah hati."*<sup>8</sup>

Jika kita rujuk asal kata kalimah zalim di dalam bahasa Arab, kalimah ini berasal dari kata kerja<sup>9</sup> :

ظلم : يظلم : ظلما = ظلمه

Yang membawa erti: *Dia yang melakukan aniaya atau dia yang melakukan perbuatan zalim.*

Dari asal perkataan sifat zalim ini dapat juga diambil kesimpulan bahwa sifat zalim ini boleh berlaku dengan dua cara, yang pertama ia boleh berlaku ke atas diri seseorang itu sendiri, iaitu dia sendiri yang menzalimi dirinya dan kemudaratannya kembali kepada dirinya sendiri, dan yang kedua pula dia melakukan sesuatu perbuatan

<sup>8</sup> Hadis Empat Puloh, Imam Nawawi : Hadis keenam

<sup>9</sup> Kamus Idris Al Marbawi, Arab Melayu

yang bersifat zalim yang mana kemudaratan dan kemusnahannya ditimpakan keatas pihak lain, yang terpaksa menanggung segala akibat yang dilakukan oleh penzalim tersebut.

### **Ciri-ciri Kezaliman**

Allah swt telah memberikan berbagai contoh dan perumpamaan yang dapat digolongkan dalam kategori sifat zalim, sifat ini secara tidak langsung menggambarkan pemikiran atau fahaman golongan tersebut, sebagian dari contoh dan perumpamaan ini dapat dilihat di dalam firman Allah swt di surah-surah berikut:

#### **(1). Sifat Fasik dan Mungkar:**

Sebagaimana firman Allah swt di surah Al Baqarah ayat 59 yang berbunyi:

" فبدت الذين ظلموا قولا غير الذي قيل لهم فأنزلنا على الذين ظلموا رجزا من

السماء بما كانوا يفسقون "

Yang bermaksud: "*Lalu orang-orang yang zalim menggantikan perintah dengan (menunaikan) yang tidak diperintahkan kepada mereka, sebab itu Kami timpakan atas orang-orang zalim itu siksa dari langit, kerana mereka berbuat fasik*"

Di ayat ini, Allah swt mengolongkan orang-orang yang melakukan kefasikan, iaitu perbuatan-perbuatan mungkar, kerosakan, kemusnahan atau perbuatan-perbuatan dosa yang bertentangan dengan suruhan dan perintah-perintah Allah swt sebagai orang-orang yang zalim

#### **(2). Sifat Berdusta dan Melarang Dari Kebenaran**

Sebagaimana firman Allah swt di surah Hud ayat 18 yang berbunyi:

و من أظلم ممن افترى على الله كذبا, أولئك يعرضون على ربهم و يقول الأشهد هؤلاء الذين كذبوا على ربهم ألا لعنة الله على الظالمين , الذين يصدون عن سبيل الله و يبغونها عوجا و هم بالأخرة هم كافرون

Yang bermaksud: “Dan siapakah yang **lebih zalim daripada orang yang membuat dusta terhadap Allah?** Mereka itu akan dihadapkan kepada Tuhan mereka dan para saksi (termasuk anggota tubuh badan mereka) akan berkata: “Orang-orang inilah yang telah berdusta terhadap Tuhan mereka”. Ingatlah, **kutukan Allah (ditimpakan) atas orang-orang yang zalim”, (iaitu) orang-orang yang menghalangi (manusia) dari jalan Allah dan menghendaki (supaya) jalan itu bengkok, dan mereka itulah orang-orang yang tidak percaya akan adanya hari akhirat”**

Di ayat ini Allah swt menerangkan salah satu sifat orang-orang yang zalim adalah mereka-mereka yang mendustakan ayat-ayat Allah swt, mengingkari akan adanya akherat dan seterusnya menghalangi manusia dari mengikuti jalan yang lurus, mereka benci kepada ajaran Islam dan mereka berusaha sudaaya upaya untuk menyesatkan manusia dari mengikuti jalan ini.

### (3). Sifat Engkar Terhadap Kebenaran

Firman Allah swt di surah Al Kahfi ayat 57 yang berbunyi:

و من أظلم ممن ذكر بآيات ربه فأعرض عنها و نسي ما قدمت يدها إنا جعلنا على قلوبهم أكنة أن يفقهوه و في آذانهم وقرا و إن تدعهم إلى الهدى فلن يهتدوا إذا أبدا

Yang bermaksud: “Dan siapakah yang **lebih zalim daripada orang yang telah diperingatkan dengan ayat-ayat dari Tuhannya lalu dia berpaling daripadanya dan melupakan apa yang telah dikerjakan oleh kedua tangannya? Sesungguhnya Kami telah meletakkan tutupan di atas hati mereka, (sehingga mereka tidak) memahaminya, dan (Kami letakkan pula) sumbatan di telinga mereka, dan kendatipun kamu menyeru**



*mereka kepada petunjuk, niscaya mereka tidak akan mendapat petunjuk selamanya”*

Dan firman Allah swt di surah Ash Shaaf ayat 7 yang berbunyi:

و من أظلم ممن افترى على الله الكذب و هو يدعى إلى الإسلام و الله لا يهدى  
القوم الظالمين

Yang bermaksud: *“Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang mengadakan dusta terhadap Allah sedang dia diajak kepada (melaksanakan) agama Islam, dan Allah tiada memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim”*

Keterangan dari dua ayat Allah swt di atas ini dapat diambil ikhtibar bahwa orang-orang yang mengingkari atau melekeh-lekehkan ajaran dan perintah-perintah Allah swt setelah dia mengetahui kebenaran tersebut, maka mereka-mereka ini juga termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim terhadap kebenaran, disebabkan sifat mereka yang meremehkan ajaran-ajaran Islam, Allah swt telah menutupi hati-hati mereka daripada kebenaran.

#### **(4). Sifat Reda Terhadap Perbuatan Zalim**

Firman Allah swt di surah Hud ayat 113 yang berbunyi:

و لا تركزوا إلى الذين ظلموا فتمسكم النار و ما لكم من دون الله من أولياء ثم  
لا تنصرون

Yang bermaksud: *“Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim yang menyebabkan kamu disentuh api neraka, dan sekali-kali kamu tidak mempunyai seorang penolong pun selain Allah, kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan”*

Di ayat ini Allah swt menjelaskan agar hambaNya tidak meredai segala perbuatan orang-orang yang melakukan kezaliman, kerana sifat reda akan membuat seseorang

itu turut serta dan berpartisipasi dengan perbuatan-perbuatan zalim, sehingga dia juga termasuk dalam golongan tersebut dan disentuh api neraka (dimasukkan dalam neraka).

#### (5). Sifat Membunuh Tanpa Hak

Firman Allah swt di surah Al Maidah ayat 28 dan 29:

لئن بسطت إلي يدك لتقتلني ما أنا بياسط يدي إليك لأقتلك إني أخاف الله رب العالمين, إني أريد أن تبوأ بإثمي وإثمك فتكون من أصحاب النار و ذلك جزاؤا الظالمين

Yang bermaksud: “ *Sungguh kalau kamu mengerakkan tanganmu kepadaku untuk membunuhku, aku sekali-kali tidak akan mengerakkan tanganku kepadamu untuk membunuhmu, Sesungguhnya aku takut kepada Allah, Tuhan seru sekalian alam, Sesungguhnya aku ingin agar kamu kembali dengan (membawa) dosa (membunuh) ku dan dosamu sendiri, maka kamu akan menjadi penghuni neraka, dan yang demikian itulah pembalasan bagi orang-orang yang zalim*”

Firman Allah swt di atas ini pula dengan jelas melarang manusia dari melakukan pembunuhan tanpa hak, kerana perbuatan ini merupakan satu kezaliman dan bertentangan dengan ajaran Islam, dan perbuatan ini merupakan salah satu dosa yang terbesar disisi Allah swt, perkara ini ditekankan lagi oleh Allah swt di dalam firmanNya di surah Al Maidah ayat 32 yang berbunyi:

من أجل ذلك كتبنا على بني إسرائيل أنه من قتل نفسا بغير نفس أو فساد في الأرض فكأنما قتل الناس جميعا و من أحيها فكأنما أحيها الناس جميعا و لقد جاءهم رسلنا بالبينات ثم إن كثيرا منهم بعد ذلك في الأرض لمسرفون

Yang bermaksud: “ Oleh kerana itu Kami tetapkan (suatu hukum) bagi Bani Israil, bahwa: **barang siapa yang membunuh seorang manusia** bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain (dengan cara yang hak-qishash), atau bukan kerana membuat kerusakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya, dan barang siapa yang memelihara kehidupan seorang manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia semuanya, Dan sesungguhnya telah datang kepada mereka rasul-rasul Kami dengan (membawa) keterangan-keterangan yang jelas, kemudian banyak di antara mereka sesudah itu, sungguh-sungguh melampaui batas dalam berbuat kerusakan di muka bumi”

Di ayat ini Allah swt ingin memberikan gambaran betapa besarnya dosa seseorang yang membunuh tanpa hak, diibaratkan oleh Allah swt seperti membunuh seluruh manusia yang ada di muka bumi ini, dan bagi mereka yang berusaha memelihara nyawa seseorang manusia diibaratkan telah memelihara manusia seluruhnya.

#### (6). Sifat Orang yang Suka Menghina dan Tidak Mahu Bertaubat

Firman Allah SWT di surah Al Hujurat ayat 11 yang berbunyi:

يأيها الذين ءامنوا لا يسخر قوم من قوم عسى أن يكونوا خيرا منهم و لا نساء من نساء عسى أن يكن خيرا منهن, و لا تلمزوا أنفسكم و لا تنابزوا بالألقاب،  
بئس الاسم الفسوق بعد الايمان، و من لم يتب فأولئك هم الظالمون

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah suatu kaum mengolok-olokkan kaum yang lain (karena) boleh jadi mereka (yang diolok-olokkan) lebih baik dari mereka (yang mengolok-olokkan) dan jangan pula wanita -wanita (mengolok-olokkan) wanita-wanita yang lain (karena) boleh Jadi wanita (yang diperolok-olokkan) lebih baik dari wanita (yang mengolok-olokkan) dan janganlah kamu mencela dirimu sendiri dan kamu panggil memanggil dengan gelar-gelar yang buruk, seburuk-buruk panggilan ialah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan **barang siapa yang tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.**"

Firman Allah swt ini pula menunjukkan bahwa, sikap suka mengolok-olokkan atau suka menghina dan menjatuhkan maruah orang lain atau menggunakan kata-kata yang keji baik dengan bentuk percakapan, tulisan atau gambaran (lukisan)<sup>10</sup>, semuanya ini merupakan perbuatan-perbuatan yang bersifat zalim yang ditegah oleh Allah swt, dan Allah swt memerintahkan kepada orang-orang seumpama ini supaya bertaubat dari segala perbuatannya itu, jika tidak mereka akan tergolong dalam golongan orang-orang yang zalim.

### (7). Sifat Mengabaikan Amanah

Ini sebagaimana yang difirmankan Allah swt di surah Al Ahzab ayat 72 yang berbunyi:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya Kami (Allah) telah mengemukakan amanah<sup>11</sup> kepada langit, bumi dan gunung-gunung, maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khawatir akan mengkhianatinya, dan dipikullah amanah itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh*”

Ayat ini memberikan peringatan kepada manusia agar melaksanakan amanah dan janji mereka kepada Allah swt dan jangan mengkhianatinya, agar mereka melaksanakan segala perintah Allah swt yang telah diwajibkan ke atas diri mereka dan meninggalkan segala larangan-laranganNya, jika tidak maka mereka akan tergolong dalam golongan orang-orang yang zalim.

### (8). Sifat Tidak Mahu Melaksanakan Hukum Allah

Sebagaimana firman Allah swt di surah Al Maidah ayat 45 yang berbunyi:

وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

<sup>10</sup> [http://id.wikipedia.org/wiki/Karikatur\\_Nabi\\_Muhammad\\_Jyllands-Posten](http://id.wikipedia.org/wiki/Karikatur_Nabi_Muhammad_Jyllands-Posten)

<sup>11</sup> Yang bermaksud dengan amanah di sini ialah tugas-tugas keagamaan : Al Quran dan Terjemahan

Yang bermaksud: *“Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim”*

Firman Allah swt ini menegaskan orang-orang yang engkar dan tidak mahu mentaati dan melaksanakan hukum-hukum Allah swt sedangkan mereka mampu melaksanakannya, maka mereka juga termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim kepada Allah swt .

#### **(9). Sifat Suka Melanggar Hukum-hukum Allah swt**

Firman Allah swt di surah Al Baqarah ayat 229 yang berbunyi:

" و من يتعد حدود الله فأولئك هم الظالمون "

Yang bermaksud: *“Barangsiapa yang melanggar hukum-hukum Allah mereka itulah orang-orang yang zalim”*

Di ayat ini Allah swt memberikan peringatan kepada hamba-hambanya agar tidak melanggar hukum-hukum Allah swt yang telah ditetapkan, iaitu mengabaikan perkara-perkara yang berhubung halal dan haram yang telah ditentukan oleh Allah swt, barangsiapa tetap melanggar ketentuan-ketentuan tersebut, maka mereka tergolong dalam golongan orang-orang yang zalim.

#### **(10) Sifat Tamak dan Memakan Harta Secara Bathil**

Sebagaimana firman Allah swt di surah An Nissa ayat 10 yang berbunyi:

إن الذين يأكلون أموال اليتامى ظلماً إنما يأكلون في بطونهم نارا و سيصلون

سعيراً

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu menelan api sepenuh perutnya dan mereka akan masuk ke dalam api yang menyala-nyala (nereka)”*

Selain dari firman-firman Allah swt yang disebutkan diatas ini, masih banyak lagi sifat-sifat, bentuk-bentuk perbuatan atau tingkah laku yang tergolong dalam kategori sifat-sifat yang zalim, begitu juga terdapat berbagai nama dan gelaran yang digunakan, yang boleh dikategorikan juga sebagai perbuatan dan tindakan yang zalim.

### **Sikap Allah Terhadap Orang-orang Yang Zalim**

Sebagaimana yang telah Allah swt gambarkan ciri-ciri yang terdapat pada golongan orang-orang yang zalim dalam firmanNya sebelum ini, ciri-ciri sifat ini semuanya bertentangan dengan ajaran Islam dan tiada kaitan langsung dengan agama Islam, perkara ini dijelaskan lagi oleh Allah swt dengan menunjukkan akan sikapNya pula dalam menghadapi golongan orang-orang yang zalim ini, iaitu peringatan dan ancaman Allah swt terhadap golongan ini, sebagaimana dalam firman-firmanNya yang berikut:

#### **(1). Allah swt Benci Kepada Mereka**

Firman Allah swt di surah Ali Imran ayat 57 yang berbunyi:

و أما الذين ءامنوا و عملوا الصالحات فيوفيهم أجورهم و الله لا يحب الظالمين

Yang bermaksud: “*Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal yang sholeh, maka Allah akan memberikan kepada mereka dengan sempurna pahala amalan-amalan mereka, dan Allah tidak menyukai orang-orang yang zalim*”

Dan firman Allah swt lagi di surah As Syuura ayat 40 yang berbunyi:

و جزؤا سيئة سيئة مثلها فمن عفا و أصلح فأجره على الله إنه لا يحب الظالمين

Yang bermaksud: “*Dan balasan suatu kejahatan adalah kejahatan yang serupa, maka barangsiapa memaafkan dan berbuat baik, maka pahalanya atas (tanggungan) Allah, Sesungguhnya Dia tidak menyukai orang-orang yang zalim*”

#### **(2) Allah swt Akan Mengazab Mereka Dengan Azab Yang Pedih**

Firman Allah swt di surah Asy Syuura ayat 42 yang berbunyi:

إنما السبيل على الذين يظلمون الناس و يبغون في الأرض بغير الحق أولئك لهم  
عذاب أليم

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya dosa itu atas orang-orang yang berbuat zalim kepada manusia dan melampaui batas di muka bumi tanpa hak, mereka itu mendapat azab yang pedih*”

### (3). Allah swt Menyediakan Buat Mereka Neraka Jahanam

Firman Allah swt di surah Al Kahfi ayat 29 yang berbunyi:

إننا أعتدنا للظالمين نارا أحاط بهم سرادقها و إن يستغيثوا يغاثوا بماء كالمهل يشوى  
الوجوه بئس الشراب و سآءت مرتفقا

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya Kami telah sediakan bagi orang-orang zalim itu neraka, yang gejolaknya mengepung mereka, dan jika mereka meminta minum, nescaya mereka akan diberi minum dengan air seperti besi yang mendidih yang menghanguskan muka, itulah minuman yang paling buruk dan tempat istirahat yang paling jelek*”

### (4). Allah swt Menyesatkan Mereka

Firman Allah swt di surah Ibrahim ayat 27 yang berbunyi:

يثبت الله الذين ء امنوا بالقول الثابت في الحياة الدنيا و في الآخرة و يضل الله  
الظالمين و يفعل الله ما يشاء

Yang bermaksud: “*Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu dalam kehidupan di dunia dan di akhirat, dan Allah menyesatkan orang-orang yang zalim dan memperbuat apa yang Dia kehendaki*”

**(5). Allah swt Tidak Memberi Keberuntungan Kepada Mereka**

Firman Allah swt di surah Al An' Aam ayat 21 yang berbunyi:

و من أظلم ممن افترى على الله كذبا أو كذب بآياته إنه لا يفلح الظالمون

Yang bermaksud: *“Dan siapakah yang lebih aniaya (zalim) daripada orang yang membuat-buat suatu kedustaan terhadap Allah atau mendustakan ayat-ayatnya, **Sesungguhnya orang-orang yang aniaya (zalim) itu tidak mendapat keberuntungan**”*

Dan firmanNya lagi disurah yang sama pada ayat yang ke 135 berbunyi:

قل يا قوم اعملوا على مكاتكم إني عامل فسوف تعلمون من تكون له عاقبة

الدار إنه لا يفلح الظالمون

Yang bermaksud: *“Katakanlah: Hai kaumku, berbuatlah sepenuh kemampuanmu, sesungguhnya akupun berbuat (pula), kelak kamu akan mengetahui, siapakah (di antara kita) yang akan memperoleh hasil yang baik dari dunia ini, **Sesungguhnya, orang-orang yang zalim itu tidak akan mendapat keberuntungan**”*

**(6). Allah swt Melaknati Dan Tidak Mengampuni Mereka Di Akherat**

Firman Allah swt di surah Al Mu'min ayat 52 yang berbunyi:

يوم لا ينفع الظالمين معذرتهم و لهم اللعنة و لهم سوء الدار

Yang bermaksud: *“(Yaitu) hari yang **tidak berguna bagi orang-orang zalim permintaan maafnya dan bagi merekalah laknat dan bagi mereka tempat tinggal yang buruk**”*

Begitu juga dengan firman Allah swt di surah Al A'raaf ayat 44 yang berbunyi:

فأذن مؤذن بينهم أن لعنة الله على الظالمين



Yang bermaksud: “Kemudian seorang penyeru (malaikat) mengumumkan di antara kedua golongan itu: **“Kutukan Allah ditimpakan kepada orang-orang yang zalim”**”

**(7). Allah swt Tidak Memberi Pertunjuk Kepada Mereka**

Firman Allah swt di surah Al An Aam ayat 144 berbunyi:

إن الله لا يهدي القوم الظالمين

Yang bermaksud: “**Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim”**”

Ayat-ayat Allah swt di atas ini semuanya menunjukkan sikap Allah swt terhadap golongan-golongan yang melakukan kezaliman, mereka tidak mendapat tempat di sisi Allah swt baik di dunia mahupun di akherat nanti, Allah swt tidak reda dengan cara kehidupan mereka sehingga Allah swt bersikap keras dengan menunjukkan sifat benci, murka, laknat keatas mereka, dan bagi mereka ancaman dan azab yang pedih disediakan di akherat nanti di atas sifat dan tingkah laku zalim mereka sewaktu di dunia.

Walaupun pada hakikatnya Allah swt mempunyai sikap yang keras terhadap orang-orang yang zalim, tetapi itu tidak bermakna Allah swt tidak menerima taubat dan pengampunan mereka jika mereka benar-benar ingin bertaubat dan kembali ke pangkal jalan, kerana Allah swt Maha luas pengampunanNya, ini sebagaimana firman Allah swt di surah Ar Ra'd ayat 6 yang berbunyi :

وإن ربك لذو مغفرة للناس على ظلمهم وإن ربك لشديد العقاب

Yang bermaksud: “**Sesungguhnya Tuhanmu benar-benar mempunyai ampunan (yang luas) bagi manusia sekalipun mereka zalim, dan sesungguhnya Tuhanmu benar-benar sangat keras siksaNya”**”

Di ayat ini Allah swt ingin menerangkan kepada hamba-hambaNya, walaupun jika seseorang itu mempunyai sifat zalim dan melakukan perbuatan-perbuatan yang zalim, tetapi jika mereka insaf dan bertaubat kepada Allah swt diatas segala perbuatan-

perbuatan mereka itu, nescaya Allah swt akan tetap mengampuni dan menerima taubat mereka, kerana Allah swt Maha Luas PengampunanNya.

### **Sifat Zalim, Radikal Dan Ekstremis**

Semenjak peristiwa 11 September 2001 (911)<sup>12</sup> banyak sekali penggunaan kalimah Radikal, Ekstremis, Terroris, Pelampau dan sebagainya dikaitkan keatas golongan-golongan yang tertentu, sehingga ada pihak yang menyelitkan ciri-ciri atau sifat-sifat radikal dan ekstremis yang mengandungi unsur zalim ini sebagai sebagian dari fahaman dan ajaran Islam, iaitu pada hikmah mereka Islam memang mengajar penganutnya sifat-sifat seumpama ini di dalam ajarannya, tuduhan ini hanya menambahkan lagi salah faham yang sedia ada dan permasalahan yang sedang berlaku<sup>13</sup>.

Sifat ini (radikal) jika dialih bahasa boleh membawa maksud *radikal keseluruhan, pesalah besar yang tidak disangka atau kesalahan utama*<sup>14</sup>, dan jika dirujuk di <http://en.wikipedia.org/wiki/Radicalism>, pengertian radikal ini sebagaimana dari asal katanya (bahasa Inggeris) boleh di erti kepada berbagai pengertian yang berbeza, baik dari sudut *mathematics (Ilmu Hisab)*, *chemistry (Ilmu Kimia)*, *linguistics (Ilmu Bahasa)*, *politics (Siasah Politik)*, *commerce (Perdagangan)*, *slang (Bahasa basahan)*<sup>15</sup>.

Dalam banyak hal gelaran radikal atau ekstremis<sup>16</sup> (pelampau) diberikan oleh satu pihak keatas golongan yang tertentu, khususnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan idealogi atau siasah politik, yang mana pihak yang melebelkan gelaran ini tidak dapat menerima fahaman, pendapat atau perbuatan golongan tertentu yang bertentangan dengan fahaman atau pendapat mereka, atau kedua belah pihak mempunyai idealogi atau fahaman yang jauh berbeza diantara satu sama lain, sehingga timbul tuduhan di antara mereka dengan memberikan gelaran seumpama ini,

<sup>12</sup> Peristiwa 911: Pada 11<sup>th</sup> Sep 2001, dua buah kapal terbang merempuh bangunan WTC di New York, Amerika Syarikat.

<sup>13</sup> [http://www.ntu.edu.sg/rsis/publications/conference\\_reports/ProgressIslamConference06.pdf](http://www.ntu.edu.sg/rsis/publications/conference_reports/ProgressIslamConference06.pdf), The meaning of Progressive Islam – Syed Hussein Alatas

<sup>14</sup> Kamus Terjemahan, Inggeris- Melayu. Susunan Ainon Mohd dan Abdullah Hassan

<sup>15</sup> Rujuk : <http://en.wikipedia.org/wiki/Radicalism>

<sup>16</sup> Kamus Lengkap: ekstremis: pelampau, orang yang menuntut pendapat-pendapat yang terlalu sangat.

dan ini juga tidak bermakna pihak yang menuduh atau memberi gelaran sesuatu kelompok dengan gelaran radikal, ekstremis, teroris atau pelampau terkecuali dari sifat seumpama ini.

Perkataan radikal, ekstremis, teroris atau pelampau yang digunakan untuk mengelarkan sesuatu kumpulan merupakan perkataan sinonim<sup>17</sup>, bagi menggambarkan sikap dan perbuatan ganas yang dilakukan oleh kumpulan tersebut, dan ia banyak bersangkutan paut dengan masalah hal ehwal siasah politik atau ideologi yang mengalakkan keganasan dan kemusnahan, yang mana jika dilihat dan dikaji akan sifat dan perbuatan ini tiada bezanya dengan sifat-sifat kezaliman yang diharamkan oleh Allah swt di dalam firman-firmanNya sebelum ini.

Pada hakikatnya apajua bentuk kezaliman yang dilakukan, apakah ia berupa kemusnahan, kerosakan, penganiayaan, kekerasan, kekejaman dan kemungkaran yang dilakukan oleh manusia, baik terhadap sesama manusia, terhadap makhluk Allah, yang berupa haiwan, tumbuh-tumbuhan atau apa jua yang terdapat di alam semesta ini merupakan perbuatan yang diharamkan oleh Allah swt keatas hamba dan makhlukNya.

Begitu juga dengan sifat atau sikap manusia yang engkar untuk mentaati dan menyakini kewujudan Allah swt yang Esa, merupakan suatu bentuk perbuatan yang zalim, sebagaimana firman Allah swt disurah Luqman ayat 13 yang berbunyi:

و إِذْ قَالَ لِقْمَانَ لِإِبْنِهِ وَ هُوَ يَعِظُهُ يَا بَنِي لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Yang bermaksud: *“Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: “Hai anakku, **janganlah kamu mempersekutukan Allah, sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar”***”

Jika diteliti dari firman Allah swt diatas ini, ayat ini dengan jelas menunjukkan bahwa segala bentuk keengkaran terhadap Zat Allah swt dan ayat-ayat suciNya merupakan suatu bentuk kezaliman seorang manusia terhadap Penciptanya, tiada bentuk

---

<sup>17</sup> Sinonim: Kata-kata seerti

kezaliman yang lebih besar yang telah dilakukan seseorang melainkan terhadap Khaliknya.

Sifat zalim yang telah difirmankan oleh Allah swt dari ayat-ayat di atas ini, membawa maksud dan pengertian yang lebih luas dari sifat radikal, ekstremis atau terroris, bahkan ia juga merangkumi bukan saja sifat-sifat yang berbentuk ideologi, siasah politik atau perbuatan yang berbentuk kerosakan, kemusnahan, kekejaman dan sebagainya, tetapi merangkumi setiap aspek kehidupan manusia dalam muamalat mereka sesama manusia, makhluk atau alam semesta ini dan juga kepada sang Pencipta iaitu Khaliknya.

Pengertian radikal, ekstremis atau pelampau yang digunakan oleh sebagian pihak dalam mengategorikan golongan-golongan tertentu ini merupakan sebagian dari sifat-sifat kezaliman yang telah dilarang oleh Allah swt keatas hamba-hambanya yang beriman. Apa jua bentuk gelaran, lebel atau nama yang diberikan, jika ia mengandungi unsur-unsur kezaliman yang ditegah oleh Islam, maka sifat tersebut dilarang oleh Islam dan menjadi tanggung jawab penganutnya untuk mencegah, menghindari dan menjauhkan diri dari perbuatan-perbuatan tersebut.

### **Larangan Bertindak Zalim Dan Kewajipan Mencegahnya**

Telah jelas dari firman-firman Allah swt dan sabda Nabi saw sebelumnya, yang melarang umat Islam dari melakukan apajua bentuk kezaliman di muka bumi ini, tetapi sayangnya terdapat sebagian umat Islam yang bertindak melakukan perbuatan-perbuatan yang bersifat zalim atas alasan agama Islam membenarkan perbuatan tersebut, atau disebabkan mereka dizalimi atau telah dianiayai lebih dahulu oleh golongan-golongan yang tertentu.

Disebabkan mereka dizalimi, mereka pun melakukan tindakan yang serupa mengikuti cara golongan-golongan yang telah menzalimi diri mereka, jika mereka diperlakukan dengan kekerasan maka mereka pun akan bertindak melakukan kekerasan yang serupa, atau apabila mereka diperlakukan dengan kekejaman, kerosakan dan kemusnahan, maka mereka juga akan melakukan tindakan yang serupa malah lebih

kejam lagi dari apa yang telah mereka rasai, demi untuk membalas dendam dan melepaskan kebencian mereka terhadap golongan yang menzalimi diri mereka.

Alasan membenarkan perbuatan-perbuatan yang bersifat zalim ini menjadi semakin rumit, apabila ada pihak tertentu menjustifikasikan tindakan mereka dengan menyandarkan hujah-hujah mereka dengan menggunakan dalil-dalil yang mereka datangkan dari Al Quran dan Sunnah, dengan dalil-dalil ini mereka membenarkan perbuatan mereka di sisi agama, sehingga timbul lah pandangan-pandangan yang berbeza, dimana disatu sudut terdapat dikalangan mereka yang memperbolehkan tindakan tersebut, sepertimana pengeboman bali<sup>18</sup> dan di sudut yang lain para alim ulama'<sup>19</sup> yang mengharamkan perbuatan-perbuatan mereka.

Islam melarang perbuatan zalim dibalas dengan kezaliman yang serupa, tetapi ini tidak bermakna agama Islam melarang seseorang yang dizalimi itu daripada mempertahankan hak-hak yang diizinkan di dalam syariat Islam<sup>20</sup>, atau bertindak mengikut lunas-lunas hukum<sup>21</sup> yang telah ditetapkan untuk membela dirinya<sup>22</sup>, begitu juga dalam situasi dimana seseorang itu telah dizalimi atau di aniayai oleh satu pihak yang tertentu, ini tidak bermakna dia boleh bertindak dengan niat melakukan kezaliman serupa terhadap orang yang menzalimi dirinya atau terhadap masyarakat awam yang tidak berdosa..

Islam memberikan hak untuk seseorang mempertahankan dirinya (nyawa), agama, akal, maruah atau hartanya apabila merasakan salah satu dari lima perkara tersebut terancam, tetapi tindakannya hanya lah untuk mempertahankan haknya daripada dicerobohi oleh penzalim tersebut, tetapi dia tidak boleh melakukan tindak balas lebih daripada batas-batas yang telah ditetapkan, iaitu dengan melakukan perbuatan zalim

---

<sup>18</sup> Aku melawan teroris!, Abdul Aziz alias Imam Samudra alias Qudama, Beliau mendatangkan hujah membenarkan perbuatan-perbuatan zalim.

<sup>19</sup> *Unlicensed To Kill: Countering Imam Samudera's Justification For The Bali Bombing". Ustaz Haniff Hassan, dan kandungannya fatwa para ulama' seluruh dunia mengharamkan perbuatan zalim*

<sup>20</sup> Maqaasid Syariah: Tujuan Syariah adalah untuk memelihara 5 perkara iaitu agama, nyawa, akal, maruah dan harta.

<sup>21</sup> Asy Syuura ayat 39 : *"Dan (bagi) orang-orang yang apabila mereka diperlakukan dengan zalim mereka membela diri"*

<sup>22</sup> Asy Syuura ayat 41 : *"Dan sesungguhnya orang-orang yang membela diri sesudah teraniaya (dizalimi), tidak ada suatu dosapun atas mereka"*

keatas orang awam yang ditujukan kepada mereka yang menzaliminya, inilah keindahan agama Islam yaitu kezaliman tidak dibalas dengan kezaliman.

Ketegasan dan larangan ini dapat dilihat di dalam firman Allah swt di surah Al Baqarah ayat 190 yang berbunyi:

"و قاتلوا في سبيل الله الذين يقاتلونكم و لا تعتدوا إن الله لا يحب المعتدين"

*"Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas, karena sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas"*

Ayat di atas ini menegaskan bahawa perintah berjihad atau berperang diizinkan oleh Allah swt kepada hambaNya apabila musuh telah terlebih dahulu memulakan peperangan atau yang lebih dahulu melakukan penganiayaan, perintah berperang terhadap musuh hanya lah tindakan untuk mempertahankan diri daripada dizalimi atau dianiayai dan Allah swt melarang hamba-hambaNya dari bertindak melampaui batas. Ini juga tidak bererti umat Islam hanya membuat persiapan untuk berjihad pada saat-saat terakhir apabila musuh telah menyerang mereka, persiapan untuk bersiap siaga senantiasa dituntut ke atas umat Islam, sebagaimana firman Allah swt di surah Al Anfal ayat 60 yang berbunyi:

"و أعدوا لهم ما استطعتم من قوة و من رباط الخيل ترهبون به عدو الله و عدوكم

و ءاخرين من دونهم لا تعلمونهم الله يعلمهم و ما تنفقوا من شيء في سبيل الله

يوف إليكم و أنتم لا تظلمون"

Yang bermaksud: *"Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya, apa saja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah niscaya akan dibalas dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dianiaya (dirugikan)"*

Begitu juga di dalam hadis qudsi yang telah di sabdakan oleh junjungan Nabi Muhammad saw, yang melarang umat Islam daripada melakukan sebarang bentuk kezaliman di antara manusia sebagaimana sabdanya:

وعن أبي ذر الغفاري - رضي الله عنه - قال عن رسول الله - صلى الله عليه وسلم - فيما يرويه عن ربه - عز وجل - : يا عبادي، إني حرمت الظلم على نفسي وجعلته بينكم محرماً

فلا تظالموا

Yang bermaksud: “*Wahai hambaKu, sesungguhnya Aku (Allah) telah mengharamkan sifat zalim (aniaya) keatas diri Ku (zat Allah) dan Aku (Allah) juga telah mengharamkan sifat ini di antara kamu sekalian, maka janganlah sekali-kali kamu berlaku zalim diantara satu sama lainnya....*”<sup>23</sup>

Islam mengalakkan sifat Ihsan dalam apajua tindak tanduk atau perbuatan yang berkait rapat dalam hubungan muamalat sesama manusia, iaitu dengan menzahirkan sifat hormat menghormati, sifat belas dan kasih sayang sesama makhluk Allah swt, dan jika sesuatu tindakan tegas perlu diambil, ia hanya dilakukan atas dasar-dasar yang diizinkan syara’ dan berlandaskan hukum-hukum Islam yang murni, bukan berdasarkan hawa nafsu atau tindak balas dengan sebab dendam dan kebencian, inilah perbezaan dasar yang menjadi ukur tara di antara perbuatan yang diizinkan dan perbuatan yang dilarang di dalam Islam.

Islam melarang penganutnya dari melakukan apajua bentuk kezaliman dan mengalakkan sifat ma’ruf dan ihsan, Ini bersesuaian dengan firman Allah swt di surah Ali Imran ayat 110 yang di khususkan kepada hamba-hambaNya yang berbunyi:

كنتم خير أمة أخرجت للناس تأمرون بالمعروف وتنهون عن المنكر وتؤمنون بالله

---

<sup>23</sup> abid

Yang bermaksud: *“Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma’ruf, dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah”*

Begitu juga dengan sabda Nabi Muhammad saw yang di riwayatkan dari Abu Sa’id Al Khudri yang berbunyi:

من رأى منكم منكراً فليغيره بيده. فإن لم يستطع فبلسانه. فإن لم يستطع فبقلبه

وذلك أضعف الإيمان

Yang bermaksud: Dari Abu Sa'id al-Khudri, ia berkata, "Saya mendengar Rasulullah bersabda, *'Barang siapa di antara kalian melihat yang mungkar (yang dilarang agama) hendaklah ia merubahnya dengan tangannya. Jika ia tidak mampu, maka (hendaklah dia merubahnya) dengan lisannya. Jika ia tidak mampu, maka (hendaklah dia merubahnya dengan hatinya, dan itulah selemah-lemahnya iman.'*" HR. Muslim.

Firman Allah dan hadis di atas ini dengan jelas menunjukkan bahawa agama Islam melarang umatnya daripada melakukan tindakan-tindakan yang berunsur kezaliman, kerana sifat ini bertentangan dengan ajaran Islam dan tidak ada kaitannya sama sekali dengan agama dan ajaran Islam, sebaliknya Islam memerintah kepada penganutnya agar mencegah perbuatan ini dengan apajua kekuatan yang ia miliki dan seterusnya mengalakkan perbuatan-perbuatan ma’ruf sesama manusia..

### **Faktor-Faktor Sifat Kezaliman**

Terdapat bebagai sebab mengapa seseorang itu boleh terpengaruh dan terjebak dengan perbuatan-perbuatan yang bersifat zalim, banyak faktor boleh mempengaruhi seseorang untuk melakukan tindakan yang radikal atau ekstremis yang membuahkan perbuatan zalim, walaupun pada awalnya mungkin seseorang itu merupakan seorang rakyat yang baik, taat kepada Negara dan undang-undangnya, tetapi boleh berubah sifat dan sikapnya secara agresif dengan tiba-tiba, sehingga melakukan perbuatan yang bercanggah dengan sifat dan tabiat asalnya. Ini semua boleh berlaku disebabkan faktor-faktor berikut:



- (1). Pengaruh Media Massa dan Teknologi Internet
- (2). Terpengaruh dengan fahaman-fahaman dan ideologi pemikiran tertentu, sehingga merasakan tindakannya itu adalah sah mengikut hukum.
- (3). Sifat simpati ke atas golongan yang dizalimi, sehingga bertindak dengan cara yang bertentangan dengan syara'.
- (4). Kemarahan dan kebencian yang wujud keatas golongan yang bermaha rajalela melakukan bentuk-bentuk kezaliman.
- (5). Keraguan dan perasaan sangsi mereka terhadap pihak-pihak yang mempunyai agenda yang tertentu, yang bertindak berat sebelah dan tidak berlaku adil dalam tindakan mereka.
- (6). Kerana dalam situasi yang tertekan dan terpaksa, maka mereka bertindak mengikut arahan dan keadaan yang tertentu.
- (7). Terdapat tindakan-tindakan provokasi atau konfrontasi yang dilakukan untuk menimbulkan kemarahan sesuatu pihak.
- (8). Didorong oleh sifat emosi, disebabkan ketidakadilan yang berlaku pada pandangannya.
- (9). Kurang ilmu pengetahuan dalam bertindak, walaupun mempunyai niat yang baik.
- (10). Terpengaruh dengan keadaan yang berlaku ditempat atau negara yang tertentu dimana beliau berada ketika itu, sehingga merasakan tindakan tersebut boleh dilakukan ditempat beliau bermastuatin sekarang.
- (11). Terpengaruh atau diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu untuk melakukan perbuatan zalim.
- (12). Difitnah atau dihukum sebelum menjalani sesuatu perbicaraan untuk membuktikan kesalahannya, atau divonis (dijatuhkan hukum) di atas kesalahan yang tidak dilakukannya.
- (13). Di dorong oleh perasaan untuk membalas dendam, marah atau kebencian yang wujud disebabkan oleh tindakan zalim yang telah dilakukan ke atas dirinya atau ke atas orang yang ada kaitan dalam hidupnya.
- (14). Disebabkan oleh siasah politik atau ideologi yang menyimpang.
- (15). Saling melakukan tuduhan di antara satu dengan lain, bahwa pihak yang satu lagi yang melakukan kezaliman.

Faktor-faktor diatas ini merupakan sebagian daripada sebab musabbab mengapa terdapat sebagian masyarakat Islam bertindak melakukan tindakan-tindakan yang zalim dan menjustifikasikannya dengan ajaran Islam, mereka merasakan berhak mengambil tindakan tersebut, perkara ini berlaku apabila terdapat kekaburan dan kesamaran dalam menentukan sesuatu hukum atau tindakan yang ingin diambil, apakah tindakan yang ingin diambil bersesuaian dengan hukum dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam, khususnya dalam menghadapi sesuatu isu yang berlaku.

Dalam banyak hal, faktor-faktor di atas memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tindak tanduk seseorang yang melakukan perbuatan-perbuatan yang berunsurkan kezaliman, baik dalam keadaan sedar atau tidak, atau disebabkan oleh agenda-agenda tertentu, sehingga tindakan yang dilakukan mereka lebih banyak mendatangkan kemudharatan daripada kebaikan, walaupun sesuatu tindakan itu dilakukan dengan berpandukan akal fikiran, tetapi kadang kala ia bertentangan dengan nilai-nilai murni kehidupan seorang insan kerana terdapat dorongan hawa nafsu dalam tindakan tersebut. Ini bersesuaian dengan peringatan yang difirmankan oleh Allah swt kepada manusia di surah Ar Rum ayat 41 yang berbunyi:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا  
لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Yang bermaksud: “Telah nampak kerusakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka, sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)”.

Jika dikaji dan diamati kerosakan yang berlaku di laut dan di darat, hatta di angkasa bumi<sup>24</sup>, banyak sekali sebab musabab belakunya kerosakan dan kemusnahan ini berpunca dari perbuatan-perbuatan manusia itu sendiri<sup>25</sup>, iaitu berpunca dari tindak tanduk manusia yang hanya berlandaskan akal fikiran atau hawa nafsu tanpa berpandukan wahyu, sehingga mengakibatkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan untuk diri mereka.

<sup>24</sup> <http://www.worldclimatereport.com/http://www.ipcc.ch/SPM6avr07.pdf>,

<http://www.ipcc.ch/SPM040507.pdf>

<sup>25</sup> [http://news.bbc.co.uk/2/hi/in\\_depth/7010522.stm](http://news.bbc.co.uk/2/hi/in_depth/7010522.stm) : Man causing climate change - poll

Firman Allah swt ini juga adalah sebagai amaran dan iktibar buat manusia, supaya mereka sedar dan insaf di atas segala kesalahan dan kesilapan yang telah mereka lakukan selama ini. Agar mereka kembali ke pangkal jalan dan bertaubat dari kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan, dan seterusnya kembali memakmurkan bumi Allah swt dengan berpandukan nasihat dan ajaran Allah swt yang murni.

### **Menghukum Perbuatan Zalim**

Setelah kejadian 9/11<sup>26</sup>, sering pula terdengar gelaran teroris, radikal, pelampau, fundamentalis atau dengan berbagai nama dan gelaran<sup>27</sup> yang dikaitkan dengan Islam, segala fitnah dan sifat-sifat berunsur kezaliman dilemparkan ke atas umat Islam atau golongan-golongan tertentu yang dituduh terlibat melakukan tindakan tersebut, atau label ini diberikan ke atas golongan yang ingin memperjuangkan Islam atau mempertahankan hak-hak mereka dikeranakan mereka teraniaya atau tertindas, atau apajua tindakan yang mungkin dilakukan, ini semua tidak bermakna agama Islam membenarkan sebarang tindakan yang bersifat zalim, hakikatnya tiada ulama' Islam yang mengatakan peristiwa yang berlaku (9/11) adalah wajar disisi agama Islam, malahan ramai ulama<sup>28</sup> dan pemimpin Islam yang kehadapan untuk mengutuk perbuatan tersebut, Islam tidak pernah meredai sesuatu perbuatan zalim walaupun sebesar zarah<sup>29</sup>.

Terdengar pula kalimah "*Crusade*"<sup>30</sup> sebagai slogan yang dilaungkan<sup>31</sup> dalam memerang golongan yang dikatakan teroris, yang secara tidak langsung memalitkan semua umat Islam di dalam permasalahan yang sedang berlaku, kalimah ini menimbulkan banyak salah tanggap dikalangan pemimpin-pemimpin dunia sehingga

---

<sup>26</sup> abid

<sup>27</sup> [http://www.iht.com/articles/ap/2006/09/01/america/NA\\_GEN\\_US\\_American\\_Muslims.php](http://www.iht.com/articles/ap/2006/09/01/america/NA_GEN_US_American_Muslims.php) : Islamic Fascism

<sup>28</sup> <http://www.islamonline.net/English/News/2001-09/12/article25.shtml> : Sheikh Yusuf Al-Qaradawi Condemns Attacks Against Civilians: Forbidden in Islam dan fatwa-fatwa yang dikumpulkan oleh Ust Haniff dalam bukunya Unlicensed to kill.

<sup>29</sup> surah An Nisaa ayat 40

<sup>30</sup> Crusade : perang salib, mengambil bahagian dalam perang salib : kamus Terjemahan Inggeris-Melayu

<sup>31</sup> <http://www.csmonitor.com/2001/0919/p12s2-woeu.html> : Europe cringes at Bush 'crusade' against terrorists, <http://news.bbc.co.uk/2/hi/americas/1547561.stm>

slogan ini ditukar kepada “*War on Terrorism*”<sup>32</sup>(Perang Melawan Terroris) atau “*War on Terror*”<sup>33</sup>. Dan begitu juga kalimah ‘*You are either with us or against us*’<sup>34</sup> yang membawa maksud: “(Apakah) kamu bersama kami atau menentang kami”, kalimah seumpama ini membuat masyarakat dunia berbelah bagi dalam menanggapi unsur-unsur kezaliman yang berlaku<sup>35</sup>.

Bukanlah suatu perkara yang mudah untuk menuduh seseorang itu telah melakukan suatu kezaliman atau memberikan gelaran yang serupa<sup>36</sup> keatas sesuatu golongan, jika perbuatan (yang bersifat zalim) itu tidak nampak siapa perlakunya, melainkan jika perlaku tersebut yang membuat pengakuan di atas perbuatannya itu, atau pihak yang dituduh telah dihadapkan ke muka pengadilan dan telah sabit segala kesalahannya.

Jika ada pihak yang menuduh mengambil tindakan serupa atas alasan mereka telah dizalimi, iaitu melakukan tindakan zalim terhadap golongan tertentu atau ke atas sebuah Negara yang berdaulat, sehingga mengakibatkan banyak kemusnahan harta benda, kematian dan kehilangan jiwa, kesengsaraan hidup dan keadaan huru hara, maka perbuatan seumpama inilah yang dilarang dan dibenci oleh Allah swt, sebagaimana firmanNya di surah Ali Imran ayat 57 yang berbunyi:

و أما الذين ء امنوا و عملوا الصالحات فيوفيهٓم أجورهم و الله لا يحب الظالمين

Yang bermaksud: “Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal yang sholeh, maka Allah akan memberikan kepada mereka dengan sempurna pahala amalan-amalan mereka, **dan Allah tidak menyukai orang-orang yang zalim**”

Begitu juga sebagaimana Sabda Nabi saw yang bermaksud:

وجعلته بينكم محرما فلا تظالموا

<sup>32</sup> [http://en.wikipedia.org/wiki/War\\_on\\_Terrorism](http://en.wikipedia.org/wiki/War_on_Terrorism)

<sup>33</sup> [http://en.wikipedia.org/wiki/War\\_on\\_Terror](http://en.wikipedia.org/wiki/War_on_Terror)

<sup>34</sup> <http://archives.cnn.com/2001/US/11/06/gen.attack.on.terror/>

<sup>35</sup> <http://www.thenation.com/doc/20021111/bennis>, The UN, the US and Iraq, <http://www.globalpolicy.org/security/issues/iraq/attackindex.htm> : War Against Iraq

<sup>36</sup> Gelaran radikal, ekstremis, pelampau, terrorism, fundamentalis dan sebagainya

Yang bermaksud: “Dan Aku (Allah) telah menjadikan sifat zalim (aniaya) ini haram buat diri kamu dan **janganlah kami saling zalim menzalimi (diantara satu dengan lain)**”.<sup>37</sup>

Islam melarang bertindak dan menjatuhkan hukum mengikut pendapat pribadi sahaja, mengikut emosi atau bertindak sebagai hakim dalam menentukan sesuatu kesalahan dan hukuman ke atas sesuatu pihak, peringatan ini disabdakan oleh Nabi saw sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Buraidah yang bermaksud:

“Di akhirat kelak hakim-hakim akan dibahagikan dalam tiga bahagian, yang pertama akan dimasukkan ke syurga dan yang dua lagi dimasukkan ke dalam neraka, Hakim yang masuk syurga itu mengetahui akan kebenaran dan menjatuhkan hukuman dengan adil, Bagi hakim yang mengerti kebenaran tetapi zalim maka ia akan dimasukkan ke neraka. Demikian juga hakim yang menjatuhkan ke atas manusia berdasarkan kejahilannya (ignorance) berada di dalam neraka”<sup>38</sup>

Jika seorang hakim yang bertauliah dan diamanahkan memikul tugas ini telah diberikan peringatan oleh Nabi saw dengan begitu keras sekali, bayangkan jika seseorang yang tidak berkelayakkan ingin bertindak sebagai seorang hakim lalu membuat keputusan dan menjatuhkan hukuman mengikut pendapat dan pandangan pribadinya, sudah pasti ancaman dan balasan di sisi Allah swt lebih berat lagi ke atas dirinya. Peringatan ini yang telah difirmankan oleh Allah swt kepada RasulNya di surah An Nisa’ ayat 105 yang berbunyi:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَاكَ اللَّهُ وَلَا تَكُنَ لِلْخَائِنِينَ

خَصِيمًا

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Kami (Allah) menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Al Quran dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu

<sup>37</sup> abid

<sup>38</sup> Sunan Abu Daud dan Ibn Majah rujukan buku Etika Hakim dan Peguam : Penyunting Abdul Monir Yaacob

*melalui wahyuNya, dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat”*

Larangan mengambil tindakan atau menjatuhkan sesuatu hukum tanpa berdasarkan perundangan yang adil bukan hanya suatu kesalahan disisi perundangan Islam, tetapi juga di dalam setiap agama dan perundangan hukum di dunia ini, sehingga terdapat satu perkataan yang masyhur dalam hukum perundangan yang mengatakan: *“Seseorang itu di anggap tidak bersalah kecuali setelah sabit kesalahannya”* atau di dalam bahasa Inggeris berbunyi: *“innocent until proved guilty”*<sup>39</sup>, dapat dibayangkan jika tuduhan ini (melakukan perbuatan zalim) ditujukan bukan hanya kepada sesuatu puak atau golongan tertentu saja, tetapi terhadap sebuah agama, sudah pasti kesan dan implikasinya tidak ada penghujungnya.

Tiada pihak berhak menjatuhkan hukuman dan melaksanakan hukuman tersebut tanpa melalui proses perundangan yang adil, jika proses keadilan diabaikan dan tidak dilaksanakan sebagaimana yang telah ditetapkan, sudah pasti akan mengakibatkan keadaan yang lebih huru hara, manusia akan bertindak berpandukan hukum rimba, dimana kekuasaan hanya berdasarkan kekuatan, tiada lagi slogan keadilan, hilang pula perasaan ihsan dan keamanan dalam kehidupan manusia. Timbul pula perasaan sangsi, permusuhan, kebencian dan saling jatuh menjatuhkan diantara satu dengan lain, sifat ini wujud demi untuk mendapatkan kekuasaan dan pengaruh, ia bertentangan dengan ajaran Islam dan nilai-nilai murni fitrah manusia, kerana di dalam Islam tiada jalan pintas untuk manusia mencapai kemakmuran hidup kerana *matlamat tidak pernah menghalalkan cara.*

Dalam abad dan tamadun dunia sekarang ini, setiap Negara sudah mempunyai undang-undang tersendiri dalam melaksanakan keadilan dan perundangannya, sudah dibentuk Mahkamah Keadilan Antarabangsa<sup>40</sup> atau ICJ ( *International Court of Justice* ), dan sudah wujud PBB atau Badan Bangsa-bangsa Bersatu<sup>41</sup> (United Nation) yang mana tujuan dan matlamat Pertubuhan ini adalah untuk menjaga keamanan dan

<sup>39</sup> <http://www0.un.org/cyberschoolbus/humanrights/declaration/11.asp>.

[http://en.wikipedia.org/wiki/Innocent\\_until\\_proven\\_guilty](http://en.wikipedia.org/wiki/Innocent_until_proven_guilty)

<sup>40</sup> [http://ms.wikipedia.org/wiki/Mahkamah\\_Keadilan\\_Antarabangsa](http://ms.wikipedia.org/wiki/Mahkamah_Keadilan_Antarabangsa)

<sup>41</sup> <http://www.un.org/aboutun/charter/index.html>

kesejahteraan Dunia<sup>42</sup>, dan memastikan tiada Negara atau individu terkecuali daripada mendapat keadilan, charter ini telah berkuat kuasa semenjak 24<sup>th</sup> Oktober 1945<sup>43</sup> ke atas setiap Negara yang berdaulat.

Setiap Negara perlu akur dengan ketentuan dasar-dasar ini, jika tujuan dan matlamat dasar terdirinya Badan ini atau dasar sesuatu hukum tidak dilaksanakan dengan adil dan saksama, maka tidak hairanlah jika sifat dan fahaman ini (sifat kezaliman) akan terus berkembang dan tumbuh subur dengan tertanamnya bibit-bibit fahaman zalim, bukan hanya dalam diri individu, golongan, bangsa, agama malahan juga dalam sesebuah Negara, sehingga mengakibatkan keadaan bertambah huru hara, manusia akan senantiasa hidup dalam ketakutan dan punah segala kedamaian dan kemakmuran yang diimpikan.

### **Ancaman Dan Balasan Allah Keatas Orang Yang Zalim**

Bebagai ancaman telah Allah swt nyatakan di dalam Al Quran terhadap mereka-mereka yang melakukan kezaliman, sebagian daripada ancaman ini terdapat di dalam firman Allah swt di surah Ibrahim ayat 42 hingga 47 yang berbunyi :

"و لا تحسبن الله غافلا عما يعمل الظالمون إنما يؤخرهم ليوم تشخص فيه الأبصار  
 مهطعين مقنعى رؤسهم لا يرتد إليهم طرفهم وأفئدتهم هواء و أنذر الناس يوم  
 يأتيهم العذاب فيقول الذين ظلموا ربنا أخرنا إلى أجل قريب نجب دعوتك و نتبع  
 الرسل أو لم تكونوا أقسمتم من قبل مالكم من زوال و سكنتم فى مساكن الذين  
 ظلموا أنفسهم و تبين لكم كيف فعلنا بهم و ضربنا لكم الأمثال و قد مكروا

<sup>42</sup> <http://www.un.org/aboutun/charter/index.html> , Purposes and Principles , Article 1 and 2

<sup>43</sup> Rujuk, Charter of the United Nation Introductory Note

مكرهم و عند الله مكرهم و إن كان مكرهم لتزول منه الجبال فلا تحسبن الله

مخلف وعده رسله إن الله عزيز ذوا انتقام"

Yang bermaksud: “Dan janganlah sekali-kali kamu (Muhammad) mengira, bahwa Allah lalai dari apa yang diperbuat **oleh orang-orang yang zalim**. Sesungguhnya Allah memberi tangguh kepada mereka sampai hari yang pada waktu itu mata (mereka) terbelalak, mereka datang bergegas-bergegas memenuhi panggilan dengan mengangkat kepalanya, sedang mata mereka tidak berkedip-kedip dan hati mereka kosong,, dan berikanlah peringatan kepada manusia terhadap hari ( yang pada waktu itu) **datang azab kepada mereka**, maka berkatalah orang-orang yang zalim: “Ya Tuhan kami, beri tangguhlah kami (kembalikanlah kami ke dunia) walaupun dalam waktu yang sedikit, nescaya kami akan mematuhi seruan Engkau dan akan mengikuti rasul-rasul”. (Kepada mereka dikatakan): “Bukankah kamu telah bersumpah dahulu (di dunia) bahwa sekali kali kamu tidak akan binasa?, dan kamu telah berdiam di tempat-tempat kediaman orang-orang yang menganiaya diri mereka sendiri, dan telah nyata bagimu bagaimana Kami telah berbuat terhadap mereka dan telah Kami berikan kepadamu beberapa perumpamaan” dan sesungguhnya mereka telah membuat makar yang besar, padahal di sisi Allah lah (balasan) makar mereka itu, dan sesungguhnya makar mereka itu (amat besar) sehingga gunung-gunung dapat lenyap kerananya, kerana itu janganlah sekali-kali kamu mengira Allah akan menyalahi janji Nya kepada rasul-rasulNya, sesungguhnya Allah Maha Perkasa, lagi mempunyai pembalasan”

Firman Allah swt di surah Al Kahfi ayat 29 yang berbunyi:

إنا أعتدنا للظالمين نارا أحاط بهم سرادقها و إن يستغيثوا يغاثوا بماء كالمهل يشوى

الوجوه بئس الشراب و ساءت مرتفقا

Yang bermaksud: “ Sesungguhnya Kami telah **sediakan bagi orang-orang zalim itu neraka**, yang gejolaknya mengepung mereka, dan jika mereka meminta minum, nescaya mereka akan diberi minum dengan air seperti besi yang mendidih yang



*menghanguskan muka, itulah minuman yang paling buruk dan tempat istirahat yang paling jelek”*

Begitu juga hadis yang telah diriwayatkan dari Qatadah dari Abul Mutawakkil An Naji dari Abu Sa'id Khudri r.a dari Rasulullah saw bersabda<sup>44</sup> :

عن قتادة عن أبي المتوكل الناجي عن أبي سعيد الخدري رضى الله عنه عن رسول  
الله صلى الله عليه و سلم قال : "إذا خلع المؤمنون من النار حبسوا بقنطرة بين  
الجنة و النار فيتقاصون مظالم كانت بينهم في الدنيا حتى إذا نقوا و هذبوا أذن لهم  
بدخول الجنة فو الذى نفس محمد صلى الله عليه و سلم بيده لأحدهم بمسكنه في  
الجنة أدل بمثله كان في الدنيا"

Yang bermaksud: “ *Dari Qatadah dari Abul Mutawakkil An Naji dari Abu Said Khudri r.a dari Rasulullah saw, beliau saw bersabda: “ Jikalau kaum mukminin yang zalim dapat selamat di waktu menyeberangi shirath (jembatan) yang diletakkan di atas neraka, lalu mereka itu di tahan di sebuah tempat pemberhentian yang letaknya antara syurga dan neraka (yang dimaksudkan ialah shirath yang ada di dekat neraka), Disitulah mereka itu diberikan balasan (qishash) dari kezaliman-kezaliman yang mereka kerjakan sewaktu di dunia ini dan yang terjadi antara mereka (yakni antara yang satu dengan yang lainnya), Hal itu terus berlaku sehingga apabila telah dianggap bersih (yakni telah diberi balasan qishash dengan sesempurna-sempurnanya serta dibersihkan segala macam dosanya, barulah mereka diizinkan untuk masuk syurga. Maka dari itu demi Dzat yang jiwa Muhammad saw ada di dalam kekuasaanNya, niscayalah seseorang dari mereka itu sewaktu telah mendiami tempatnya di surga adalah lebih mengenal akan tempat tinggalnya seaktu berada di dunia”*

<sup>44</sup> Shahih Bukhary : Bab Qishah atau Balasan Orang Zalim , hadis 2350

Dan sabda Nabi saw lagi sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abdul Aziz Al Majisyun, dia berkata: Kami diberitahu oleh Abdullah bin Dinar dari Abdullah bin Umar radiallahu anhuma dari Nabi saw bersabda:

قال: "الظلم ظلمات يوم القيامة"

Yang bermaksud: *"Berbuat zalim (penganiayaan) itu menyebabkan adanya berbagai macam kegelapan (di akherat) pada hari kiamat"*<sup>45</sup>

Begitu juga Nabi saw memberikan peringatan agar berhati-hati dan takut dari doanya orang yang dianiayai, kerana doa mereka pasti akan dikabulkan oleh Allah swt, ini sebagaimana yang diriwayatkan dari Yahya bin Abdullah bin Shaifiy dari Abu Ma'bad (namanya sendiri Nafidz) yaitu hamba sahayanya Abdullah bin Abbas dari Ibnu Abbas radiallahu anhuma bahwa sesungguhnya Nabi saw mengutus Mu'adz ke Yaman dan diangkat sebagai gubernur di daerah wilayah Yaman itu, disamping itu juga diperintah supaya mengajar penduduknya perihal syariat-syariat agama Islam, juga mengambil zakat dan sedekah mereka), lalu beliau bersabda<sup>46</sup> :

"فقال اتق دعوة المظلوم فإنها ليس بينها وبين الله حجاب"

Yang bermaksud: *"Berhati-hatilah atau takutlah akan doanya orang yang dianiaya (di zalimi), sebab antara doanya dan Allah tidak ada penghalangnya (yakni bahwa doanya itu pasti dikabulkan)"*

Dari firman dan sabda ini dapatlah diambil kesimpulan, betapa besarnya ancaman dan balasan azab yang Allah swt sediakan kepada mereka-mereka yang melakukan kezaliman di akherat nanti, walaupun mungkin orang yang melakukan kezaliman dapat hidup dalam keadaan mewah dan berkuasa sewaktu di dunia, atau mereka tidak ditimpa dengan apa-apa kesulitan dan kesengsaraan hidup ketika di dunia, tetapi di akherat nanti Allah swt akan menimpakan ke atas diri mereka sebesar-besar azab sebagai ganjaran perbuatan zalim mereka sewaktu hidup di dunia.

### **Mencegah Dan Membendung Kezaliman**

<sup>45</sup> Shahih Bukhary Bab melakukan Kezaliman hadis no. 2357

<sup>46</sup> Shahih Bukhary Bab berhati-hati dan takut dari doanya orang yang dianiaya, hadis no. 2358

Islam memerintahkan umatnya agar sentiasa berusaha menbendung apajua bentuk kezaliman yang berlaku, dan ini merupakan satu kewajipan ke atas orang-orang yang beriman, kerana membiarkannya berlaku tanpa pencegahan merupakan selemah-lemahnya iman seseorang hamba kepada Allah swt, Allah swt memberikan gelaran *Khaira Ummah*<sup>47</sup> kepada hambaNya yang beriman kerana mereka memiliki sifat untuk mencegah dan membendung segala bentuk kemungkaran, dan agama Islam juga mengalakkan kepada kita sekalian agar memberikan pertolongan kepada saudara kita, baik dia yang melakukan kezaliman atau dia yang dizalimi, ini sebagaimana yang diriwayatkan dari Ubaidullah bin Abu Bakar bin Anas dan Humaid Thawil bahwa ia mendengar Anas bin Malik r.a berkata, Rasulullah saw bersabda:

عن عبيد الله بن أبي بكر بن أنس و حميد الطويل سمع أنس بن مالك رضى الله عنه يقول قال رسول الله صلى الله عليه و سلم : "انصر أخاك ظالما أو مظلوما"

Yang bermaksud: *Dari 'Ubaidullah bin Abu Bakar bin Anas dan Humaid Thawil bahwa dia mendengar Anas bin Malik r.a berkata: Rasulullah saw bersabda: "Berikanlah pertolongan kepada saudaramu itu, baik ia sebagai orang yang berbuat penganiayaan (penzalim) ataupun orang yang dianiaya (di zalimi)"*<sup>48</sup>

Dalam hadis yang lain pula yang diriwayatkan dari Mu'tamir dari Humaid dari Anas r.a dia berkata, Rasulullah saw telah bersabda:

عن معتمر عن حميد عن أنس رضى الله عنه قال , قال رسول الله صلى الله عليه و سلم: " انصر أخاك ظالما أو مظلوما" قالوا يا رسول الله هذا ننصره مظلوما فكيف ننصره ظالما, قال : "تأخذ فوق يديه"

Yang bermaksud: *"Dari Mu'tamir dari Humaid dari Anas r.a, ia berkata: Rasulullah saw bersabda: "Berikanlah pertolongan saudaramu itu, baik ia sebagai orang yang*

<sup>47</sup> Surah Ali Imran ayat 110

<sup>48</sup> Shahih Bukhary Bab memberi pertolongan kepada saudara yang zalim dan yang dizalimi, hadis no.2353

*melakukan kezaliman atau sebagai orang yang zalim”, Para sahabat sama bertanya: Apabila ia tergolong orang yang dianiaya, kita lalu menolongnya, maka hal itu telah kita maklumi, tetapi bagaimanakah kita akan memberikan pertolongan kepada saudara yang justeru sebagai orang yang menganiaya? Beliau saw lalu bersabda: “Kita ambil di atas kedua tangannya”<sup>49</sup>*

Hadis di atas ini memberikan kita panduan agar kita senantiasa berusaha membantu bukan hanya kepada saudara kita yang dizalimi tetapi juga kepada saudara kita yang melakukan kezaliman, kita wajib melarang dia dari terus menerus melakukan kezaliman, iaitu dengan berusaha mencegah dengan tenaga (kemampuan) kita, atau dengan ucapan kita atau kita melaporkan perbuatan mereka kepada pihak yang bertanggung jawab yang dapat menghentikan perbuatan zalim yang dilakukan mereka.

### **Implikasi Kezaliman Dan Pengaruh Internet**

Sifat dan fahaman zalim jika dibiarkan berleluasa dan tidak dibendung sudah pasti menimbulkan kemudaratan dalam kehidupan manusia, sebagai contoh jika kezaliman itu dimiliki oleh seseorang individu sudah pasti sifatnya itu akan mengakibatkan keburukan kepada mereka yang berada disampingnya, suami misalnya jika mempunyai peri laku dan tindak tanduk yang zalim, sudah pasti sifatnya ini akan ditimpakan ke atas anak dan isterinya, sehingga tiada lagi sakinah dan perasaan muwaddah wa rahmah dalam rumah tangga yang dibina, begitu juga sifat penguasa yang zalim, sudah pasti menimbulkan kesengsaraan dan penderitaan ke atas rakyatnya, samalah juga dengan seseorang yang kuat menzalimi dan menganiyai individu yang lemah atau sebuah Negara yang kuat mencero bohi ke atas sebuah Negara yang lemah.

Jika hal ini dibiarkan berlaku, maka akan hilang lah kedamaian dan kemakmuran hidup yang didambakan, timbullah perbuatan zalim dibalas dengan kezaliman, penganiayaan dibalas dengan penganiayaan yang serupa, hasad dan dengki akan bermaha rajalela, manusia akan kehilangan arah dalam membina kemakmuran hidup,

---

<sup>49</sup> Shahih Bukhary, hadis no. 2354

hilang kedamaian dan wujud pula budaya zalim, sehingga sifat ini dibudaya dan terbina dengan sendirinya dalam diri manusia, inilah yang sedang dihadapi oleh kebanyakan Negara, dimana terdapat rakyatnya menjadi “*Self Radicalism*”<sup>50</sup> atau terpengaruh dengan sendirinya idea-idea radikal tanpa perlu berguru, sifat ini bukan lah suatu fenomena atau satu perkara yang luar biasa kejadiannya, perkara ini boleh berlaku ke atas setiap individu, bangsa, agama ataupun Negara, disebabkan oleh faktor-faktor yang telah dikemukakan sebelum ini<sup>51</sup>, ia hanya menjadi fenomena dengan ada alat teknologi yang semakin canggih.

Peranan teknologi dan media massa yang semakin canggih inilah yang telah mencorak pola pemikiran setiap individu dalam menilai sesuatu pergolakan dunia yang berlaku, berbagai maklumat yang tersebar di laluan cyber yang dapat diperolehi dengan klik jari jemari (internet) dan maklumat berita secara lintas langsung dari seluruh dunia, ini semua memberikan gambaran kepada pengguna seolah-olah pergolakan sedang berlaku didepan mata kepala mereka sendiri, sehingga memberikan kesan mendalam dalam diri individu tersebut dalam menilai pespektif dan hal ehwal dunia yang tanpa batasan.

Kecanggihan teknologi maklumat yang seumpama inilah yang sedang mencorak pola pemikiran generasi-generasi muda sekarang ini, kesan ini dapat dilihat dalam satu kajian yang dilakukan oleh: *Crimes Against Children Research Center University of New Hampshire 126 Horton Social Science Center Durham* berhubung pengaruh Internet terhadap golongan muda, iaitu dalam kajian yang bertajuk: “*Survey of Internet Mental Health Issues (SIMHI)*”<sup>52</sup>, menunjukkan kesan dan pengaruh negatif dari internet ini telah dengan mudah membentuk pola pemikiran golongan muda, sebagai contoh dalam kajian yang dilakukan mereka, dari 1504 kes yang dikaji lebih dari 60% daripada jumlah tersebut (pengguna Internet) telah menyalah gunakan maklumat yang ada, sehingga mempengaruhi pola pemikiran dan kehidupan mereka.

Begitu juga dalam kajian yang dilakukan oleh Institusi Pew Internet and American Life, kertas kerja yang berjudul “*The Future of The Internet*”<sup>53</sup> yang di susun oleh *Susannah Fox, Associate Director, Janna Quitney Anderson, Elon University dan Lee*

<sup>50</sup> <http://www.answers.com/topic/radicalism>

<sup>51</sup> Ideologi Zalim: Faktor-faktor sifat kezaliman.

<sup>52</sup> [http://www.unh.edu/ccrc/survey\\_internet\\_mental\\_health.html](http://www.unh.edu/ccrc/survey_internet_mental_health.html)

<sup>53</sup> [http://www.pewinternet.org/pdfs/PIP\\_Future\\_of\\_Internet.pdf](http://www.pewinternet.org/pdfs/PIP_Future_of_Internet.pdf)

*Raine, Director*, mereka mendapati dalam tempoh sepuluh tahun mendatang pengaruh internet akan bertambah luas dan begitu penting sehingga merangkumi setiap aspek kehidupan manusia.

Ini dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh mahasiswa Nanyang Technological University (NTU) Singapura pada tahun 2000-2001 yang bertajuk: “*Singapore Internet Project*”<sup>54</sup> mendapati ketika itu saja sudah terdapat hampir 90% dari kalangan para pelajar menggunakan teknologi ini dan semakin ramai pula diantara mereka yang ketagihan<sup>55</sup> dengan penggunaan internet, bayangkan kesan negatif jika pola pemikiran generasi muda ini dipengaruhi oleh unsur-unsur radikal yang mencorak pemikiran mereka melalui internet, sudah pasti kesannya akan lebih memudaratkan lagi.

### **Ideologi Zalim Dan Internet**

Fahaman-fahaman yang bersifat zalim dan tidak berperikemanusiaan tidak akan berkembang tanpa seorang guru yang mengajar dan mendidik ideologi tersebut kepada seseorang individu, tetapi dengan wujudnya teknologi tanpa sempadan ini, manusia seolah-olah tidak lagi memerlukan guru untuk mendidik dan mencorak pola pemikiran mereka, tidak ada lagi pihak yang perlu membimbing dan menasihati mereka dalam menentukan halal dan haram, kerana sudah terdapat alternatif lain yang dapat mengambil tempat sebagai seorang pendidik untuk mewarnai kehidupan yang mereka inginkan, bagi diri mereka persekolahan (berguru) hanya bersifat formaliti saja yang tidak dapat memberikan kesan pendidikan yang mendalam bagi diri (rohani) mereka.

Tidak hairanlah ada sebagian dari kalangan muda mudi<sup>56</sup> yang terpengaruh dengan maklumat Internet yang didapatinya, hingga sanggup mengambil tindakan yang begitu radikal tanpa sebarang bimbingan, ini dikeranakan teknologi ini sudah dapat memainkan peranan sebagai guru dan pembimbing, dan alat ini sudah cukup sempurna buat diri mereka untuk menjadi tempat sebagai guru, yang dapat mereka

<sup>54</sup> <http://www.ntu.edu.sg/sci/research/pdf/2000StudentDetailedFindings.pdf>

<sup>55</sup> [http://www.netaddiction.com/articles/personality\\_correlates.pdf](http://www.netaddiction.com/articles/personality_correlates.pdf)

<sup>56</sup> <http://cyberita.asia1.com.sg/singapura/story/0,3617,97990,00.html> : Abdul Basheer: Dari Radikal Sosial Ke radikal Agama, 12 Jun 2007

jadikan panduan dalam segala tindakan yang ingin dilakukan, inilah yang dinamakan “*Self Radicalism*” iaitu sifat terpengaruh dengan fahaman-fahaman radikal dengan sendirinya melalui sumber maklumat yang mereka perolehi dari Internet.

Kewujudan teknologi Internet ini juga telah memudahkan sifat “*Self Radicalism*” dan Ideologi zalim berkembang dengan begitu pesat dan mudah dikalangan masyarakat Islam awam yang kurang ilmu pengetahuan agama, walaupun mereka mempunyai pendidikan akademik yang baik<sup>57</sup>, khususnya di kalangan generasi muda yang ingin mencari kebenaran agama, yang menjadikan teknologi internet sebagai sebagian dari budaya dan panduan hidup mereka dalam menimba ilmu, tetapi dikeranakan mereka jahil tentang asas-asas ilmu pengetahuan agama dalam membezakan yang hak dan yang bathil, maka mereka dengan mudah terpengaruh dengan fahaman zalim ini, dan inilah yang telah dimanfaatkan oleh golongan tertentu, untuk menyebarkan ideologi mereka kepada golongan-golongan yang daif dalam mencari kebenaran, dan jahil dalam membezakan hukum hakam yang digariskan oleh Allah swt, sehingga mereka mudah terpengaruh dan mengambil tindakan yang sesat lagi menyesatkan.

Salah satu sebab utama mengapa Ideologi zalim dan fahaman “*Self Radicalism*” ini berkembang dengan mudah melalui sumber internet dikalangan masyarakat awam, adalah disebabkan pendekatan psikologis<sup>58</sup> yang digunakan oleh golongan tersebut untuk mewar-warkan fahaman dan ideologi mereka dengan menengahkan gambar video perjuangan mereka di dalam internet, yang dapat menimbulkan perasaan simpati ke atas perjuangan mereka, lalu masyarakat awam yang daif ini terjebak dan cenderung dengan pendapat dan pandangan yang membolehkan perbuatan-perbuatan yang bersifat zalim ini, Sifat simpati dan cenderung dengan ideologi dan tindakan-tindakan melampau ini juga telah dilarang oleh Allah swt sebagaimana firmanNya<sup>59</sup>.

و لا تركزوا إلى الذين ظلموا فتمسكم النار و ما لكم من دون الله من أولياء ثم

لا تنصرون

<sup>57</sup> <http://www.pytr.org/pdf/commentaries/RSIS0852007.pdf> : India in the face of global Jihad

<sup>58</sup> <http://id.wikipedia.org/wiki/Psikologi>, pengertian psikologi

<sup>59</sup> surah Hud ayat 113

Yang bermaksud: *"Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim yang menyebabkan kamu disentuh api neraka, dan sekali-kali kamu tidak mempunyai seorang penolong pun selain Allah, kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan"*

Cenderung kepada orang-orang yang zalim maksudnya mengauli mereka serta meredai perbuatannya, tetapi jika bergaul dengan mereka tanpa meredai perbuatannya dengan maksud agar mereka kembali kepada kebenaran atau memelihara diri, maka dibolehkan<sup>60</sup>, Dari ayat ini juga dapat diambil kesimpulan bahwa dengan hanya meredai sesuatu perbuatan yang zalim merupakan suatu kesalahan besar disisi agama Islam, maka lebih-lebih lagi jika seseorang itu sampai melakukan perbuatan-perbuatan yang zalim, yang bertentangan dengan ajaran dan syariat Islam, sudah pasti kesalahan dan dosanya lebih besar disisi Allah swt.

Kombinasi diantara fahaman zalim dan budaya internet inilah, yang sebenarnya telah menjadi fenomena mengapa berlakunya tindakan-tindakan zalim diberbagai peringkat masyarakat dari mancan Negara, dan kesan ini akan lebih menonjol jika terdapat sesebuah masyarakat atau negara yang dizalimi, dimana pengaruh internet yang ditayangkan menggambarkan dengan jelas penderitaan dan kekejaman yang dilakukan ke atas masyarakat dan Negara tersebut, sehingga dengan mudah meyemarakkan lagi sifat simpati kepada mereka yang tertindas dan meningkatkan lagi emosi dan perasaannya untuk membantu dan menolong pihak yang tertindas dengan apajua cara yang dimiliki, sifat bersimpati inilah yang telah mendorong mereka untuk mengambil tindakan dengan alasan ingin menegakkan keadilan.

### **Menggenggang Fahaman Zalim**

Dalam kontek kehidupan Negara Singapura yang berbilang bangsa, budaya dan agama, setiap individu mempunyai tanggung jawab untuk memastikan kemakmuran dan kedamaian negara senantiasa dipelihara, setiap individu mempunyai peranan untuk melaksanakan tugas ini, tidak kira apa juga latar belakang agama dan budaya sesuatu bangsa tersebut, mereka tetap berkewajipan menjaga keharmonian dan kesejahteraan Negara mereka, umat Islam juga tidak terkecuali memainkan peranan

---

<sup>60</sup> Al Quran dan Terjemahnya surah Huud ayat 113, nomor pengertian 740.



mereka<sup>61</sup> dalam masalah ini, setiap individu Muslim mempunyai peranan bagi memastikan fahaman atau ideologi zalim ini tidak berkembang dikalangan golongan belia Muslim di Negara ini.

Pada hakikatnya masyarakat belia Islam di Negara ini amat mudah terpengaruh dengan fahaman dan ideologi ini, ini di keranakan majoriti dikalangan mereka tidak mendapat bimbingan dan pendidikan Islam yang sempurna, kajian<sup>62</sup> menunjukkan terdapat hanya 40% daripada 108,000 golongan belia yang berusia dari 5 hingga 17 tahun yang mendapat pendidikan dasar agama, ini jelas menunjukkan terdapat lebih dari 60,000 belia dalam usia yang masih dini, tidak berkesempatan mendapat asas-asas pendidikan agama sebagai bekalan mereka dalam menghadapi cabaran fahaman-fahaman radikal di dalam Internet dan media massa yang akan membentuk pola pemikiran mereka.

Keprihatinan ini telah disedari oleh para pemimpin setempat sehingga diadakan suatu conference yang berjudul: '*Progressive Islam And The State In Contemporary Muslim Societies*'<sup>63</sup> pada 7<sup>th</sup> – 8<sup>th</sup> March 2006, dimana para cendekiawan Islam dari berbagai Negara dijemput untuk membentangkan kertas kerja bagi membincangkan bentuk-bentuk Islam yang progresif dan kedudukan ciri-ciri masyarakat Muslim masakini di Negara yang majmuk ini, berbagai pemikiran, pandangan dan saranan yang dibahaskan dalam seminar yang dihadiri oleh para pemimpin dunia dan tempatan dari berbagai latar belakang dan agama.

Masalah ini telah lama dirasai oleh pemimpin-pemimpin Islam dan para alim ulama' setempat, semenjak dulu lagi, mereka telah memberikan tekanan akan pri penting nilai-nilai Islam diterapkan ke atas golongan belia semenjak kecil, sepertimana kata pepatah melayu : "*Melentur buloh biar dari rebungnya*", berbagai usaha gigih telah dijalankan oleh badan-badan dan Institusi Islam<sup>64</sup> di Negara ini, bagi memastikan setiap belia diberikan kesempatan untuk mengecapi dasar-dasar pendidikan agama,

---

<sup>61</sup> Fighting Terrorism compiled by Abdul Halim bin Kader : Men on a mission, Battling Ji belief, spreading truth, by Zakir Hussain, quoting : Love For Nation

<sup>62</sup> <http://www.todayonline.com/articles/207460print.asp>

<sup>63</sup> [http://www.ntu.edu.sg/rsis/publications/conference\\_reports/ProgressIslamConference06.pdf](http://www.ntu.edu.sg/rsis/publications/conference_reports/ProgressIslamConference06.pdf)

<sup>64</sup> <http://www.darulmakmur.org/articles,nota.pdf>, [http://www.perdaus.org.sg/mgosh/data/ET/Overview-Pergas-Perdaus\\_.pdf](http://www.perdaus.org.sg/mgosh/data/ET/Overview-Pergas-Perdaus_.pdf), [http://www.i-andalus.com/artikel/Kertas\\_Kerja\\_Wacana.pdf](http://www.i-andalus.com/artikel/Kertas_Kerja_Wacana.pdf), <http://cyberita.asia1.com.sg/singapura/story/0,3617,102329,00.html> pelan pendidikan Muis.

tetapi hakikatnya masih banyak lagi yang perlu dilakukan dalam menangani masalah ini, cabaran yang perlu dihadapi bukan sahaja untuk berusaha menyampaikan asas-asas agama kepada para belia ini, tetapi juga untuk mencari kaedah, cara, metodologi dan pendekatan yang terbaik bagi memastikan ciri dan identiti Islam yang ingin diterapkan kepada mereka bertepatan dengan fahaman ummah yang bersifat wasathiyah<sup>65</sup> (pertengahan) iaitu yang tidak terlalu konservatif atau terlalu bersifat liberal<sup>66</sup>.

Ini sebagaimana yang di firmankan oleh Allah swt di surah Al Baqarah ayat 143 yang berbunyi:

و كذلك جعلناكم أمة وسطا لتكونوا شهداء على الناس و يكون الرسل عليكم

شهيدا

Yang bermaksud: *“Dan demikian (pula) Kami (Allah) telah menjadikan kamu (umat Islam) umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu”*

Umat Islam digalakkan untuk menjadi umat yang bersifat adil dalam apajua bentuk dan tindakan yang ingin diambilnya, sifat keadilan ini hanya dapat dicerna dan diwujudkan dengan penerapan nilai-nilai Islam yang sesuai dan bertepatan dengan kaedah pendidikan Islam yang murni, nilai ini hanya dapat diwujudkan dengan kerjasama dan gandingan ulama’ dan umara’ dalam mencorak identiti masyarakat Islam yang diimpikan, dengan gabungan ini pendidikan dan pola pemikiran masyarakat akan dapat dibentuk dengan acuan yang bersesuaian dengan situasi dan kondisi sesebuah masyarakat tersebut berada.

### **Cabaran Penerapan Nilai**

Sebagai sebuah masyarakat minoriti yang menghadapi bebagai sumber yang terbatas, bukan lah suatu perkara mudah untuk menggenggang pengaruh ideologi zalim

<sup>65</sup> Al Baqarah ayat 143

<sup>66</sup> <http://ms.wikipedia.org/wiki/Liberalisme>, <http://www.i-andalus.com/artikel/Kertas> Kerja Wacana.pdf

dikalangan masyarakat belia setempat, begitu juga tiada jalan pintas yang boleh diambil untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi ini, keprihatinan terpengaruhnya fahaman Ideologi zalim dan radikal ini bukan hanya terbatas kepada golongan belia sahaja, malahan golongan dewasa juga dapat terpengaruh dengan ideologi ini, cuma kesannya lebih ketara terhadap golongan muda kerana kecenderungan mereka kepada perkembangan teknologi internet dan sikap mereka yang lebih berani mengambil risiko dalam melakukan tindakan yang bersifat radikal.

Penerapan nilai-nilai yang ingin diterapkan bukanlah suatu perkara yang boleh dilakukan ibarat “*cut and paste*” iaitu seperti mencontohi sesebuah Negara atau masyarakat tertentu dengan bentuk atau acuan yang diinginkan, lalu menerapkan contoh tersebut kepada masyarakatnya, perkara ini tidaklah semudah itu dan jika ini dilakukan sudah pasti akan mewujudkan masyarakat yang bersifat superfisial yang kelihatan indah dipermukaan saja, tetapi tidak memcerminkan Islam yang murni dalam penghayatannya, kerana apajua bentuk perubahan khususnya perkara-perkara yang bersifat ideologi yang berkait rapat dengan keyakinan diri, atau fahaman yang mencorak pola pemikiran manusia, perubahan ini hanya dapat dilakukan dari dalam atau oleh masyarakat itu sendiri, sepertimana yang ditegaskan oleh Allah swt dalam firmanNya di surah Ar Ra’d ayat 11 yang berbunyi:

"إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْيِرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يَغْيِرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ"

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri*”

Ayat ini dengan jelas menerangkan kepada kita sekalian, apajua perubahan yang ingin diterapkan kepada sesuatu masyarakat atau ciri-ciri yang ingin diwujudkan dalam masyarakat tersebut, memerlukan kerjasama dari setiap pemimpin Islam dan badan-badan institusi Islam setempat untuk berganding bahu dalam melakarkan apajua perubahan atau bentuk acuan yang ingin diwujudkan, hanya dengan gandingan ini sajalah yang dapat membentuk ciri-ciri masyarakat Islam yang didambakan.

Kerjasama bersepadu ini perlu diwujudkan demi untuk memastikan nilai-nilai murni yang ingin diterapkan ke atas masyarakat Islam setempat bersesuaian dengan

kehidupan Negara yang berbilang bangsa dan agama, dan yang terpenting sekali nilai-nilai murni ini bertepatan dengan ajaran Islam yang bersifat wasathiyah yang mencerminkan keadilan dan mencernakan sifat ihsan dalam diri manusia.

### **Kesimpulan**

Setiap fahaman dan ideologi yang membawa kepada unsur-unsur kezaliman pada hakikatnya tidak ada hubung kaitnya dengan agama Islam, ajaran Islam melarang dan mengharamkan apajua bentuk kezaliman yang dilakukan oleh manusia, malah Islam memerintahkan agar setiap penganutnya menentang dan mencegah segala bentuk kezaliman dan kekejaman yang mengakibatkan kerusakan, kemusnahan dan penderitaan terhadap bumi dan penghuninya.

Semua pihak mempunyai peranan dan perlu bekerjasama menentang dan membendung segala unsur-unsur kezaliman, dan tidak ada pihak yang terkecuali dalam usaha ini, apajua latar belakang bangsa, agama dan ideologi yang mereka miliki, semua pihak mempunyai peranan yang perlu dimainkan bagi memastikan keamanan, kedamaian dan kemakmuran hidup manusia dapat dipelihara, kerana masalah yang dihadapi ini bukanlah satu masalah yang tertumpu khusus keatas sesuatu golongan, agama atau Negara tertentu saja, ia merangkumi setiap individu, dan semua pihak perlu berganding bahu bagi memastikan fahaman dan ideologi zalim ini dapat dikengkang dan tidak mempengaruhi pemikiran dan jiwa generasi mendatang, jika ini dapat dilakukan sudah pasti hasrat dan keinginan setiap pihak untuk mengecapi kemakmuran dan kedamaian di Dunia yang berbilang bangsa, budaya dan agama ini dapat dinikmati bersama, Insya Allah.

Sekian

Oleh Abdul Jalil Abdul Razak

15<sup>th</sup> Ramadhan 1428 Hijrah

27<sup>th</sup> September 2007